

Rasuah, arak, dadah ciri peribadi lemah Umat Islam mesti tegas

KUALA LUMPUR, Isnin — Kepemimpinan dan pentadbiran tegas penting bagi menjamin keharmonian, keadilan serta kesejahteraan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, ketegasan penting bagi umat Islam negara ini kerana hanya melalui ketegasan agama Islam akan terus mulia, dihormati dan diterima oleh seluruh golongan masyarakat.

"Sekiranya pemimpin dan pentadbir negara adalah daripada kalangan yang tidak mempunyai sifat tegas, yakin kepada kebenaran, bertanggungjawab kepada tugas yang dipikul, akan lemahlah masyarakat seluruhnya," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika merasmikan pembukaan Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam Malaysia di sini, malam ini.

Bellau berkata perbuatan rasuah, pilih kasih, ketagih arak atau dadah adalah ciri yang mencerminkan peribadi tidak tegas serta tidak tahan menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas dan amanah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sesebuah masyarakat atau negara yang dipimpin oleh peribadi lemah akan ditimpa bencana.

"Seterusnya, keadaan itu akan menghilangkan maruah bangsa, agama dan negara. Jadi, adalah wajar semua pemimpin dan pentadbir kembali menghayati sifat tegas yang dituntut oleh Islam," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sifat tegas itu perlu dipertahankan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan, halangan dan cemuhan.

"Kita harus terus berusaha dengan penuh semangat, menyerahkan diri dan bertawakal kepada Tuhan. Tuhan akan sentiasa melindungi dan memberi keamanan kepada pihak yang benar," katanya.

Katanya kalau tidak kerana ketegasan Rasulullah S.A.W dalam menyampaikan risalah Islam, tidak mungkin Islam akan berkembang sampai ke zaman ini.

Menurutnya, Rasulullah S.A.W terus berusaha mengembangkan syiar Islam walaupun dipujuk rayu, diugut dan cuba disogok dengan pelbagai kemewahan oleh kaum Quraisy yang mahukan baginda berhenti mengembangkan syiar Islam.

"Baginda juga memperlihatkan ketegasannya dalam menegakkan keadilan tanpa pilih kasih atau tunduk kepada mana-mana tekanan. Antara sebab keruntuhan umat terdahulu ialah kerana mereka pilih kasih dalam menjalankan hukum.

Perdana Menteri berkata ketegasan di kalangan pendidik, termasuk ibu bapa, juga penting kerana keteguhan dan ketinggian

akhlak generasi muda banyak bergantung kepada mereka.

Menurutnya, melalui asuhan serta contoh yang ditunjukkan oleh guru dan ibu bapa sifat mulia akan tersemat di kalangan murid.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi memupuk sifat mulia, kerajaan mengadakan pelbagai program pendidikan Islam.

Kursus, ceramah, kelas pengajian serta program "Takmir Masjid", adalah sebahagian daripada usaha kerajaan yang tegas bagi menjamin pembentukan peribadi Muslim berakhlak mulia dan baik.

Beliau berkata Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran diwujudkan kerana kerajaan menyedari bahawa pembentukan peribadi umat adalah salah satu tanggungjawabnya.

Tiga puluh peserta, mewakili negeri-negeri di seluruh negara termasuk Wilayah Persekutuan, serta dua qari dan qariah menunggu akan menyampaikan bacaan mereka dalam musabaqah yang akan berlangsung selama empat hari berakhir Khamis ini.

Malam ini dua qari dan dua qariah menyampaikan bacaan masing-masing. Mereka ialah Haji Ismail Haji Mat Isa (Pahang), Encik Mohamad Salleh P Tanri (Sabah), Hajah Saudah Said (Kedah) dan Puan Fatemah Debab (Negeri Sembilan).